

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab syarikat 1MDB dan SRC International Sdn Bhd masih belum memfailkan Laporan Kewangan untuk Mac 2015 dan bilakah laporan-laporan tersebut akan difailkan. Adakah syarikat audit Deloitte telah memulakan kerja-kerja pengauditan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana YB sedia maklum, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) sedang disiasat oleh Polis Diraja

Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru itu, kebanyakan dokumen milik 1MDB dan SRC telah diserahkan kepada PDRM dan SPM. Oleh yang demikian, Penyata Kewangan kedua-dua syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 tidak dapat diselesaikan sehinggalah penyiasatan oleh PDRM dan SPM tersebut tamat.

Untuk makluman YB, Deloitte selaku juruaudit luar bagi kedua-dua syarikat tersebut telah memulakan kerja-kerja pengauditan tetapi tergendala akibat siasatan yang dijalankan oleh PDRM dan SPM. Justeru itu, 1MDB dan SRC telah diberikan lanjutan masa oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) masing-masing sehingga 31 Mac 2016 dan 31 Disember 2015 untuk pembentangan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 49

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk membawa mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh MH17 ke muka pengadilan setelah laporan “*Dutch Safety Board*” diterbitkan pada 13.10.2015 atas sebab-sebab kemalangan kapal terbang Malaysia Airlines MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan *Dutch Safety Board* yang dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 bertujuan untuk mengenalpasti punca nahas pesawat Malaysia Airlines MH17 sahaja di samping membuat syor-syor teknikal untuk memastikan nahas sedemikian tidak berulang semula. Laporan tersebut tidak bertujuan untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17.

Tindakan yang akan diambil untuk membawa mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan hanya akan ditentu dan dilaksanakan setelah siasatan jenayah yang dikendalikan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine selesai.

Namun begitu, Malaysia bersama-sama negara yang diwakili dalam *Joint Investigation Team* (JIT) iaitu Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine masih meneruskan usaha dan perbincangan untuk mengenalpasti pelan alternatif pendakwaan yang terbaik bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan termasuklah pendakwaan di peringkat nasional dan penubuhan tribunal melalui triti antarabangsa.

Selain daripada itu, YAB Perdana Menteri bersama-sama Ketua-Ketua Negara yang diwakili dalam JIT semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu turut mengadakan perjumpaan pada 29 September 2015 bagi membincangkan dua pelan alternatif pendakwaan yang dikenalpasti tersebut selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan 2166 dan menggesa negara-negara yang diwakili dalam JIT untuk terus mengadakan perbincangan supaya alternatif pendakwaan yang terbaik dapat ditentukan untuk mendakwa pihak yang bertanggungjawab dalam nahas ini.